

Analysis of Hindering Factors Among Islamic Education Teachers of Smart School in The Use of Teaching Aids

Analisa Faktor Halangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Mohd Faeez Ilias^{a*}, Julia Madzalan^a, Mohd Izzuddin Mohd Pisol^a, Annasaii Jamar^a, Muriyah Abdullah^b

^aFakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

^bFakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: faeez@kuis.edu.my

Article history: Received: 15 July 2021 | Received in revised form: 16 January 2022 | Accepted: 9 February 2022 | Published online: 1 May 2022

Abstract

The use of teaching aids (TA) in the classroom is necessary to ensure that the teacher's explanations in teaching and learning (T&L) process are easily comprehended by students. The TA materials used depend on the needs of the teacher in accordance with the T&L design that will be implemented. However, the use of TA is not an undemanding matter as it requires the teacher's keenness in carrying out the plan that has been designed. Therefore, this study aims to analyse the obstacles that exist among Islamic Education Teachers (GPI) during the use of TA. Qualitative design was used to obtain interview data upon five GPIs and five GPI supervisors at the Smart School. The interview results were analysed using the NVivo 7.0 software by generating the theme of the study findings. Based on the analysis, there are eight obstacles listed by the GPIs on the use of teaching aids. All of these then form a pattern of study findings that perpetuates the two main obstacles for Islamic Education Teachers in the use of teaching aids, namely time and preparation. The results of this study are very meaningful to the Malaysian Ministry of Education (KPM), the State Education Office (JPN), and school administrators. The findings of this study show that the teachers need to be given time for the preparation to implement the planning of TA in the PdP process.

Keywords: teaching aids, Smart School, Islamic Education Teacher, teacher preparation

Abstrak

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam kelas merupakan keperluan bagi memastikan penjelasan guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mudah diterima oleh pelajar. Bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan adalah bergantung kepada keperluan guru sesuai dengan perancangan PdP yang akan dilaksanakan. Namun begitu, penggunaan BBM ini bukanlah satu perkara yang mudah melainkan dengan kesungguhan guru dalam melaksanakan apa-apa yang telah dirancang. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis faktor halangan yang wujud dalam kalangan Guru Pendidikan Islam semasa penggunaan BBM. Reka bentuk kualitatif digunakan dalam mendapat data temubual terhadap lima orang Guru Pendidikan Islam dan lima orang penyelia GPI di Sekolah Bestari. Dapatkan temubual dianalisis menggunakan perisian Nvivo 7.0 dengan menghasilkan tema dapatan kajian. Berdasarkan analisis, terdapat lapan halangan yang disenaraikan oleh Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan BBM. Semua dapatan ini kemudian membentuk pola dapatan kajian yang mengekalkan dua halangan utama Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan BBM iaitu masa dan persediaan. Dapatkan kajian ini sangat bermakna sama ada kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), mahupun pentadbir sekolah. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa perlunya seseorang guru itu diberikan ruang masa untuk membuat persediaan dalam melaksanakan perancangan penggunaan BBM dalam PdP.

Kata kunci: bahan bantu mengajar, Sekolah Bestari, Guru Pendidikan Islam, Persediaan Guru

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENDAHULUAN

Pelaksanaan penilaian prestasi guru ialah sebuah amalan yang dilakukan secara berterusan, sentiasa dilazimi dan adalah merupakan aktiviti mandatori di dalam bidang pendidikan (Bichi, 2017). Oleh dengan itu, penilaian yang menentukan tahap kecemerlangan bagi seorang pendidik turut dilakukan secara berterusan melalui penilaian kepada aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP). Menurut Miller (2008), bagi mencapai matlamat pendidikan yang telah ditentukan, PdP guru kebiasaannya dilakukan dengan sempurna. Tambah Miller lagi, strategi PdP ini akan melibatkan aktiviti berkaitan seperti penetapan prosedur, proses, aktiviti, dan alat yang akan menyokong aktiviti pengajaran seorang guru. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Goodson, et al., (2019) untuk Bahagian Pendidikan Amerika Syarikat, dicadangkan bahawa pengalaman penyediaan yang lebih kerap dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang produktif adalah terkait dengan keberkesanan yang lebih tinggi. Seorang guru akan membuat perancangan pengajaran dengan teliti sebelum melaksanakan proses PdP. Sudah pastilah

perancangan pengajaran yang dibuat ini diharapkan supaya dapat mencapai matlamat yang telah ditentukan. Untuk memenuhi keperluan amalan pengajaran yang mesti dilaksanakan ketika PdP, aliran cara kerja ini menjadi proses yang biasa diamalkan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI). Selain daripada penyediaan perancangan pengajaran, GPI turut bersedia sebaik mungkin untuk persiapan bagi proses PdP melalui penggunaan pendekatan, kaedah, teknik, set induksi, isi pengajaran, penutup, refleksi pengajaran, dan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM). Kesannya, penghasilan PdP yang berkesan dan efektif melalui persiapan yang melibatkan semua elemen PdP tersebut akan memastikan GPI mencapai tahap pengajaran yang cemerlang sekaligus memastikan kejayaan pencapaian matlamat pembelajaran dalam kalangan murid-murid dapat dicapai.

■2.0 LATAR BELAKANG DAN PENYATAAN MASALAH

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada semua guru adalah dengan sokongan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dengan keadaan persekitaran semasa pelajar (KPM, 2012). Saran ini turut dikukuhkan dengan pernyataan bahawa BBM dihasilkan adalah bertujuan untuk mengeluarkan proses PdP daripada situasi dan keadaan yang membosankan pelajar (Kumar, 2017). Melalui tindakan guru menggunakan BBM ini akan menjadikan proses PdP ke arah pembinaan ilmu pengetahuan kerana wujudnya pemerolehan pengetahuan hasil tindak balas murid terhadap BBM yang digunakan oleh guru.

Sejarah perkembangan dan kemajuan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula dengan penggunaan bahan utama iaitu buku teks dan papan putih. Kedua-dua BBM ini menjadi semakin penting pada masa kini kerana seringkali digunakan oleh guru di sekolah memandangkan bahan utama ini telah disediakan di setiap kelas (Brown et al., 1973; Samantha, 1991; Mukalel, 1998; Veni Nella Syahputri et. al., 2020). Apabila penggunaan buku teks dan papan putih menjadi pilihan utama, guru seolah-olah terlalu bergantung kepada penggunaan dua jenis BBM tersebut. Keterikatan dan kebergantungan guru kepada penggunaan dua jenis BBM ini dalam PdP mendatangkan kerisauan kerana sukar untuk menghasilkan PdP yang kreatif dan inovatif (Woody, W.D. et. al., 2010). Kesan daripada itu, kaedah *chalk and talk* menjadi pilihan dan guru terbiasa dengan kaedah pengajaran berbentuk tradisional (Abdul Rahim dan Hayazi, 2010; Mohamad Rofian, 2013).

Pada masa kini, kaedah *chalk and talk* masih menjadi pilihan walaupun sistem pendidikan telah diintegrasikan dengan kecanggihan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seiring dengan perkembangan pendidikan di era Revolusi Industri 4.0. Pada masa kini majoriti institusi pendidikan yang menawarkan program dalam bidang pendidikan telah memberikan latihan dan pendedahan menggunakan teknologi dalam proses PdP yang disampaikan oleh pensyarah dan PdP yang akan dilaksanakan oleh guru pelatih semasa mengajar di sekolah nanti (Bayaga B. et. al., 2021). Pendedahan ini sebagai satu persediaan kepada guru pelatih dalam mendepani perubahan dalam sistem pendidikan khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Secara asasnya, penggunaan BBM bagi seorang guru adalah satu pengalaman dan situasi yang berbeza dan pelbagai halangan wujud bergantung kepada pelbagai keadaan yang wujud. Semua faktor tersebut boleh dikategorikan kepada beberapa elemen penting, iaitu guru, Kementerian atau Jabatan, dan sekolah. Guru merupakan individu penting dalam memastikan penggunaan BBM berjalan dengan lancar seperti yang dirancangkan. Kejayaan penggunaan BBM bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan pengetahuan guru menguruskan penggunaan BBM sama ada sebelum, semasa, maupun selepas penggunaan. Walau bagaimanapun, faktor guru itu sendiri juga mampu menjadi penghalang dalam penggunaan BBM iaitu dari aspek masa guru (Barak, 2007; Gursul dan Tozmaza, 2010; Sad dan Özhan, 2012; Melor et al., 2013), motivasi guru (Sehrom, 1995; Whetstone dan Carr-Chellman, 2001; Ilomaki, 2004; Lee dan Bathmaker, 2007; Eteokleous, 2008; Wan Nor Hazlina dan Kamaruzzaman, 2009; Maimun Aqsha et al., 2011), serta pengetahuan dan kemahiran guru (Mohd Izham dan Noraini, 2007; Koc dan Bakir, 2010; Rosnaini dan Mohd Arif, 2010; Maimun Aqsha et al., 2011).

Faktor motivasi guru semasa merancang penggunaan BBM perlu dipastikan dalam keadaan yang stabil. Motivasi guru sama ada stabil atau tidak, akan menjadi cerminan sewaktu pelaksanaan PdP. Maka motivasi guru memberi kesan kepada emosi dalam menghadapi proses penggunaan BBM yang memerlukan kepada persediaan dan percubaan yang berulang kali. Pengurusan emosi yang baik oleh guru semasa menggunakan BBM memberikan kelebihan dan memberi impak kepada pedagogi, keyakinan pelajar, dan motivasi guru serta menghasilkan minat, sikap, persepsi, dan kemahiran guru yang positif (Sehrom, 1995; Whetstone dan Carr-Chellman, 2001; Lee dan Bathmaker, 2007; Eteokleous, 2008). Kajian lalu telah membuktikan bahawa pengurusan emosi guru akan memberi impak kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar. Impak utama yang diperolehi oleh guru adalah motivasi positif dalam menggunakan BBM khususnya dari aspek persediaan kerana sanggup memberikan masa untuk membuat persediaan. Impak ini akan memberikan kesan sampingan kepada pelajar dengan cara pelajar memberikan respon yang positif terhadap penggunaan BBM. Hasilnya, PdP Pendidikan Islam khususnya menjadi semakin menarik, bersesuaian dan tidak membosankan ketika belajar (Wan Nor Hazlina dan Kamaruzzaman, 2009; Maimun Aqsha et al., 2011).

Seterusnya, motivasi guru turut terkesan dengan aspek masa semasa penggunaan BBM dalam kalangan guru. Faktor ini berkaitan dengan persediaan penggunaan BBM meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas penggunaan BBM. Persediaan BBM yang baik sebelum digunakan adalah perkara penting yang perlu diambil perhatian dalam kalangan guru. Kajian menunjukkan bahawa BBM yang dihasilkan oleh guru menjadi lebih baik jika mereka mempunyai kemahiran tentang cara penggunaannya. Oleh itu, guru yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan BBM dapat merasakan kesan penggunaan dari aspek penjimatatan masa serta memudahkan kefahaman guru dan pelajar ketika PdP (Melor et al., 2013). Aspek berkaitan dengan penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan BBM merupakan isu utama yang menghalang GPI. Koc dan Bakir (2010) menjelaskan bahawa penggunaan BBM memerlukan kepada pengetahuan dan kemahiran yang baik walaupun seringkali kebanyakan guru menganggap bahawa BBM adalah suatu perkara yang mudah untuk diaplikasikan. Namun hakikatnya, perkara yang dilihat mudah itu sebenarnya menjadi punca kepada kurangnya guru menggunakan BBM dalam PdP.

Berdasarkan kepada masalah dan halangan yang dinyatakan, kajian ini mempunyai kepentingannya untuk dilaksanakan agar masalah-masalah utama yang berlaku secara realiti dapat dirungkai kerana setiap halangan tersebut adalah berbeza dan bergantung kepada keadaan semasa dan persekitaran. Penggunaan BBM walaupun dilihat perkara yang ringan akan tetapi jika dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru semasa PdP akan menjadi satu pengalaman yang bermakna kepada pelajar setiap kali berlangsungnya PdP.

■3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada latar belakang dan pernyataan masalah yang diuraikan, maka kajian ini amat penting untuk dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor halangan yang wujud dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan bahan bantu mengajar.

Terdapat persoalan kajian yang perlu dijawab bagi melengkapkan tujuan kajian ini dilaksanakan. Persoalan kajian yang timbul adalah “apakah faktor halangan yang wujud dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan bahan bantu mengajar”.

■4.0 METODOLOGI KAJIAN

Menurut Schensul (2008), pengkaji akan menjawab permasalahan yang timbul daripada kajian yang dijalankan dengan menggunakan metodologi kajian yang dirancang dengan teliti. Menggunakan analisis berbentuk deskriptif, kajian ini mensasarkan untuk mendapatkan penjelasan berkaitan satu-satu kejadian yang sedang berlaku seperti yang disebut oleh Merriam (1988); Mohd Majid (2005); dan Tobin (2010). Kajian ini dilaksanakan dengan reka bentuk yang telah diadaptasi daripada kajian lepas yang telah dijalankan oleh Kamarul Azmi (2010). Namun, untuk tujuan kajian ini, terdapat sedikit pengubahsuai dilakukan kepada kaedah kajian bagi memenuhi keperluan objektif dan persoalan yang dikemukakan. Menurut CareSearch (2018), apabila jumlah peserta yang berpotensi untuk satu-satu kajian itu terhad ... atau mempunyai kebarangkalian untuk menjadi sukar kerana sebab-sebab tertentu, pendekatan kajian secara *multi-site* akan membuatkan kajian mendapat peserta yang mencukupi untuk memberikan jawapan yang sahih untuk kajian yang dilaksanakan. Maka pendekatan *multi-site* untuk pelaksanaan kajian ini dilihat sebagai sesuai dengan sifat kajian yang melibatkan pelbagai tempat (*multi-site studies*) (Merriam, 1998; Bishop, 2010). Oleh dengan itu, reka bentuk kajian ini turut dikenali sebagai kajian pelbagai kes atau *multiple case*. Ini kerana ia melibatkan pelbagai lokasi untuk mendapatkan data yang bersesuaian dengan pernyataan *multi-site studies* yang dikemukakan oleh CareSearch (2018).

Di dalam pelaksanaan kajian ini, pendekatan kualitatif yang digunakan telah menguatkan dapatan kajian dengan mengambil kira sumber dapatan yang pelbagai. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Yin (2006) yang menyebut bahawa sumber dapatan yang pelbagai akan menjadi kekuatan bagi sesebuah kajian. Di antara instrumen yang digunakan bagi menguatkan dapatan di dalam sesebuah kajian termasuklah penggunaan temu bual mendalam (*in-depth interview*), diikuti dengan pemerhatian, analisis dokumen, dan juga melalui rakaman (Denscombe, 2007; 2010; Chmilar, 2010). Penggunaan pelbagai instrumen bagi mengumpulkan data ini akan memudahkan pengkaji bagi mengenal pasti aspek penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam (Skorupski, 2005; Flinders, 2009). Selain daripada itu, ia akan dapat mencari jawapan kepada permasalahan yang dikaji mengikut tatacara kajian yang telah ditetapkan (Merriam, 1998; 2002; Esterberg, 2002; Creswell, 2003; Bogdon dan Biklen, 2003).


Pengumpulan data di dalam kajian ini dilaksanakan melalui temu bual mendalam. Penekanan yang khusus diarahkan kepada penggunaan instrumen temu bual kerana ia adalah merupakan kaedah utama bagi mendapatkan data di dalam menjalankan kajian ini. Dapatan yang diperolehi di dalam satu-satu kajian merupakan hasil yang mampu menarik minat pengkaji untuk mengetahui tentang sesuatu topik dengan lebih mendalam (McConaughy, 2005; Morgan dan Guevara, 2008). Bagi tujuan kajian ini, temu bual telah dijalankan ke atas sampel yang terdiri daripada lima orang Guru Pendidikan Islam (GPI) dan lima orang penyelia GPI.

Jadual 1: Singkatan yang digunakan dalam Proses Analisis Data Kajian.

| Singkatan | Penjelasan |
|--------------------|--|
| A, B, C, D, E | Sekolah A, B, C, D, E *Tempat kajian lapangan dijalankan. |
| GA, GB, GC, GD, GE | Guru Pendidikan Islam Sekolah A, B, C, D, E |
| PA, PB, PC, PD, PE | Penyelia (GPI) Sekolah A, B, C, D, E |
| OA, OB, OC, OD, OE | Pemerhatian Sekolah A, B, C, D, E |

Di dalam kajian ini, dapatan kajian yang diperolehi di dalam bentuk audio, video, dan gambar dari lapangan seterusnya diproses ke dalam bentuk teks bagi tujuan transkripsi data. Proses transkripsi ini dilaksanakan secara berperingkat. Kemudian, data yang telah siap di transkrip selanjutnya dianalisis secara “*open coding*”. Analisis ini dilaksanakan dengan menggunakan perisian analisis data kualitatif iaitu NVivo versi 7.0. Beberapa singkatan telah digunakan di dalam proses analisis menggunakan perisian ini dan singkatan tersebut adalah seperti yang terdapat di dalam Jadual 1.

Seterusnya, analisis dijalankan terhadap dapatan kajian dengan membentuk tema-tema yang berkaitan. Penghasilan tema-tema ini selanjutnya mencapai tahap pola dan membolehkan ia digunakan untuk membina model dapatan kajian. Maka bolehlah disimpulkan bahawa reka bentuk kajian ini dapat ditunjukkan melalui Rajah 1 sebelum kesemua dapatan kajian dianalisis secara deskriptif (Hessler, 1992; Srinivasan, 2007).



Rajah 1: Kedudukan Reka Bentuk Kajian Kes dengan Pendekatan Kualitatif.

■5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian mendapati antara halangan dalam penggunaan BBM adalah faktor guru. Faktor yang menjadi halangan utama dalam penggunaan BBM adalah ialah faktor guru. Hal ini kerana, penggunaan BBM merupakan pilihan kepada guru sama ada ingin menggunakan BBM atau sebaliknya. Faktor daripada guru itu sendiri telah menyebabkan wujudnya lapan sub-faktor yang lain, walau bagaimanapun, hanya

dua faktor sahaja yang merupakan faktor utama dan mencapai tahap pola dapatan kajian. Kedua-dua faktor ini bukan sahaja mempengaruhi GPI semasa penggunaan BBM tetapi telah bermula sebelum penggunaan BBM lagi.

Faktor halangan masa diwakili oleh semua GPI A-E (GA, 2012: 1234; GB, 2012: 308; GC, 2012: 218; GD, 2012: 98; GE, 2012: 620). Faktor masa menjelaskan beberapa maksud antaranya GPI kurang membuat persediaan disebabkan bebanan tugas. Terdapat juga waktu yang tidak sesuai menggunakan BBM seperti yang dijelaskan oleh GA:

(Tema - MASA) "satu lagi kalau nak buat macam tu kena tengok masa juga lah, kalau waktu tengahari sakit lah macam tu. kalau waktu pagi ke tengah fresh tu. sebab tu kita kena bersedia dengan berbagai maklumat, sebabnya lepas tu pelajar akan tanya."

GA, 2012: 1234.

Gaya pengajaran GPI yang mengambil masa yang lama untuk menghabiskan satu-satu tajuk juga termasuk dalam faktor masa (PA, 2012: 583). Selain itu, masa yang diperuntukkan untuk PdP juga singkat dan terhad (PC, 2012: 118). Hal ini kerana perpindahan pelajar dan pertukaran kelas mengambil masa PdP GPI (PB, 2012: 426) seperti kata-kata PB: "tapi, kekangannya ialah kadang-kadang ia agak melambatkan, sebab kena bergerak ke makmal. Yang ada... kekangan masa lah sebenarnya.". PB, 2012: 426.

Jadual 2: Faktor Halangan Guru Semasa Penggunaan BBM oleh GPI

| Bil. | Halangan Guru | A | B | C | D | E |
|------|---------------------|---|---|---|---|---|
| 1. | Masa | x | x | x | x | x |
| 2. | Persediaan | x | - | - | x | x |
| 3. | Tugasan lain | - | - | - | x | x |
| 4. | Pengalaman | x | - | - | x | - |
| 5. | Peribadi | - | - | x | x | - |
| 6. | Fokus peperiksaan | - | - | - | x | - |
| 7. | Pelajar tidak fokus | x | - | - | - | - |
| 8. | Bebanan pentadbir | - | - | - | x | - |


Halangan kedua yang mencapai tahap pola dapatan kajian diwakili oleh majoriti GPI di SA-SE ialah persediaan guru. Persediaan yang dijelaskan pada Jadual 2 adalah persediaan bahan, diri, budaya, dan tempat. Dapatkan ini menggambarkan bahawa halangan persediaan bukanlah menjadi permasalahan utama kepada GPI di SA-SE. Halangan persediaan merupakan faktor kedua tertinggi dan diwakili oleh GA, GD dan GE. Bukti terdapatnya halangan persediaan adalah seperti yang dikatakan oleh PE:

PE (Tema-PERSEDIAAN): " sebenarnya kita nak guna bahan bantu mengajar ni satu benda yang agak berat juga sebab perlu persediaan yang lebih berbanding masuk kelas biasa, kan... persiapan-persiapan tu memang lebih. kadang-kadang perlu sediakan powerpoint kan, aaa... dan sebagainya."

PE, 2012: 918

Persediaan bahan ini perlu dilakukan sepenuhnya oleh GPI. Persediaan bahan ini termasuklah membuat atau menghasilkan BBM (GD, 2012: 173, 188, 900; PE, 2012: 921; GE: 620) dan persiapan teknikal (GD, 2012: 256, 593, 910). Bagi halangan persediaan, GPI diwakili oleh GA dan GD. Buktinya seperti yang dikatakan oleh GD: "dan majoriti guru.. PdP, masa kelas tu lah dia baru buka buku nak study apa dia nak ajar biasanya, macam tu lah.. kadang-kadang 10 minit sebelum nak masuk tu baru buka buku cari 'apa aku nak ajar?' itu realiti" GD, 2012: 408.

Persediaan berikutnya ialah persediaan tempat yang melibatkan peranan GPI untuk membuat penempahan (GA, 2012: 1273; PD, 2012: 98). Manakala halangan yang terakhir ialah persediaan budaya (GD, 2012: 354).



Rajah 2: Pola Faktor Yang Menghalang GPI Menggunakan BBM

Secara kesimpulannya, halangan persediaan yang wujud melalui temu bual GPI di SA-SE telah dijelaskan secara terperinci. Gambaran keseluruhan untuk halangan persediaan ini hanya dijelaskan tema-tema yang mencapai tahap seperti pada Rajah 2

Berdasarkan dapatan kajian yang diuraikan, penggunaan BBM dalam kalangan guru adalah satu keperluan bagi meningkatkan keberkesan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, penggunaan bahan bantu mengajar di analisis bagi mengenal pasti faktor halangan yang wujud dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Persoalan kajian yang menjadi pendorong utama bagi kajian ini adalah "apakah faktor halangan yang wujud dalam kalangan Guru Pendidikan Islam dalam penggunaan bahan bantu mengajar". Menerusi dapatan kajian ini, didapati bahawa faktor halangan penggunaan BBM yang utama dan mencapai tahap pola adalah masa dan persediaan guru.

Kajian ini mendapati, faktor masa adalah halangan yang tertinggi dicatatkan memandangkan GPI sangat sibuk. Walaupun masa PdP GPI yang diperuntukkan untuk mengajar adalah berkurangan iaitu enam hingga lapan waktu seminggu, namun terdapat tugas lain yang perlu mereka laksanakan. Antara tugas selain mengajar ialah mengurus dan menyenggara kemudahan teknologi dan perisian aplikasi, menyediakan keperluan peralatan teknologi untuk kegunaan guru, melatih guru dan staf menggunakan kemudahan teknologi, menyelaras

penilaian perisian pendidikan, serta menyediakan laporan tentang perkembangan aktiviti Sekolah Bestari (Pusat Kegiatan Guru Bandar Kota Tinggi, 2014).

Oleh itu, halangan penggunaan BBM dalam kalangan GPI juga berlaku disebabkan masa PdP yang singkat. Pada waktu PdP yang singkat itu, terdapat GPI yang tidak dapat menggunakan sepenuhnya waktu tersebut untuk tujuan mengajar. Sebaliknya sebahagian masa digunakan untuk menunggu dan menguruskan pelajar sebelum memulakan pengajaran. Pelbagai faktor masa yang dijelaskan merupakan punca GPI gagal untuk menggunakan BBM yang pelbagai khususnya BBM teknologi. Kesempatan masa PdP yang ada kebanyakannya sempat untuk GPI menggunakan BBM tradisional sahaja. Oleh itu, dapatan kajian ini selari dengan kajian Albirini (2006) dan Nakata (2011) bahawa kekurangan masa menjadi penyebab guru tidak melaksanakan penggunaan BBM TMK.

Selain itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa halangan GPI dalam melaksanakan penggunaan BBM ketika PdP adalah kurangnya masa bagi proses menyediakan bahan bantu mengajar. Proses penyediaan bahan ini melibatkan persediaan bahan, diri, budaya, dan tempat bagi membantu proses pengajaran dan ini mengambil banyak masa persediaan yang merupakan satu cabaran kepada para guru. Dapatkan ini juga dilihat sebagai halangan utama berdasarkan kajian lalu oleh Rifikind (2011) yang disokong oleh Rajapaksha & Chathurika, (2015) yang menyatakan bahawa guru menghadapi masalah kekangan masa bagi menyediakan bahan bantu mengajar selain isu lain yang berkaitan dengan persediaan pengajaran.

Seterusnya, aspek persediaan juga menjadi halangan selepas faktor masa dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan peserta kajian. Hal ini kerana GPI tidak sempat untuk membuat persediaan sebelum dan semasa pelaksanaan BBM TMK tersebut. Dapatkan ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Alam, Khan, & Sharmin (2018) yang mendapati bahawa guru-guru di Bangladesh tidak dapat memenuhi persediaan pengajaran kerana pelbagai faktor seperti terlalu banyak kelas dalam satu hari, tidak boleh memenuhi keperluan silih-silih serta masa yang diperuntukkan untuk satu kelas tidak mencukupi. Dapat dinyatakan di sini bahawa faktor persediaan turut menjadi penghalang utama dalam penggunaan bahan bantu mengajar bagi GPI di sekolah bestari yang terlibat dalam kajian ini.

■6.0 RUMUSAN

Halangan masa adalah satu isu yang serius kerana faktor ini yang melengahkan keberkesanan penggunaan BBM dalam proses PdP. Peserta dalam kajian ini menghadapi kekangan masa kerana terbeban dengan tugas yang pelbagai. Faktor teknikal seperti kekurangan masa bagi satu-satu waktu pengajaran juga menyebabkan guru-guru terbeban untuk menggunakan bahan bantu mengajar. Lanjutan dari kekangan masa, para guru akan menghadapi masalah untuk mengajar kandungan pelajaran dan ini akan mempengaruhi keseluruhan pencapaian objektif pembelajaran.

Faktor halangan masa ini dilihat sebagai kelemahan utama yang menjadi penyebab kepada kegagalan institusi pendidikan untuk menyediakan peralatan dan bahan bantu mengajar yang baik. Meskipun perancangan pengajaran dilaksanakan dengan teliti, namun sekiranya faktor masa menjadi penghalang, segala perancangan yang telah disiapkan oleh guru akan menjadi sia-sia. Sekaligus, halangan ini akan menyebabkan para guru dan murid tidak mendapat peluang untuk menggunakan BBM dan peralatan yang baharu dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran kerana masih dibebani dengan faktor masa.

Rumusan dapatan kajian ini juga mendapati, proses penyediaan BBM turut mengambil masa yang panjang. Proses penyediaan bahan ini turut melibatkan penyediaan bahan untuk membantu proses pengajaran; penyediaan diri seseorang guru bagi menyampaikan pengajaran; penyediaan budaya pembelajaran di antara guru dengan pelajar dan di antara pelajar dengan pelajar yang lain supaya dapat menggunakan BBM yang disediakan sehingga mencapai tahap yang optimum; dan penyediaan tempat yang kondusif untuk menggunakan BBM yang dihasilkan.

Terdapat keperluan dalam aspek persediaan penggunaan BBM berdasarkan teknologi merentas kurikulum supaya dapat memastikan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran akan dapat dijalankan dengan efektif. Selain itu, penyediaan masa untuk mengukuhkan penyediaan BBM untuk digunakan oleh para guru. Mungkin telah tiba masanya para guru dibenarkan untuk meningkatkan fokus kepada aspek PdP semata-mata tanpa terbeban dengan tugas pengkeranian yang mengambil banyak masa mereka. Kejayaan pendidikan bukanlah terletak kepada jumlah dan nilai gred semata-mata. Kemenjadian murid perlu dijadikan matlamat utama. Justeru itu, tugas mengajar bagi para guru perlulah diberikan keutamaan tanpa kompromi.

Melalui dapatan kajian yang dibincangkan ini, pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan guru sentiasa kompeten dalam PdP boleh mengambil tindakan yang sewajarnya. Menjadi keutamaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkasakan kebijakan guru yang melibatkan pengurusan masa yang baik supaya dapat memberi fokus yang lebih kepada proses PdP. Pemerkaan semua pelan-pelan pendidikan yang dihasilkan oleh KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) hendaklah disahut oleh pentadbir sekolah agar pelaksanaannya dibuat secara menyeluruh. Hasilnya, semua guru di sekolah akan lebih cakna dan bertanggungjawab dengan tugas masing-masing disamping dapat memberi fokus yang lebih kepada pelaksanaan PdP dengan berkesan.

Rujukan

- Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. 1-8. (Unpublished). UTM Institutional Repository.
- Alam, M. R., Khan, M., Sharmin, M. (2018) Hindrances to Use and Prepare the Lesson Plan of Secondary School Teachers in Bangladesh and Some Recommendations Retrieved from: https://www.researchgate.net/publication/324312694_Hindrances_to_Use_and_Prepares_the_Lesson_Plan_of_Secondary_School_Teachers_in_Bangladesh_and_Some_Recommendations [accessed Jun 20 2021].
- Albirini, A. (2006). Teachers' Attitudes Toward Information and Communication Technologies. *Journal of Computer & Education*. 47, 373-398.
- Barak, Miri (2007). Transition from traditional to ICT-enhanced learning environments in undergraduate chemistry courses. *Journal of Computers & Education*. 48(2007), 30-43.
- Bayaga, A., Bossé, M.J., Sevier, J., Fountain, C., Williams, D., Bosire, S. & Blignaut, S. (2021). University Faculty Opinions of Preservice Teachers' Technological Readiness. *Canadian Journal of Science, Mathematics and Technology Education* 21, 44-64 <https://doi.org/10.1007/s42330-021-00138-6>

- Bichi, A. A. (2017) Evaluation of Teacher Performance in Schools: Implication for Sustainable Development Goals. *Northwest Journal of Educational Studies* 2(1)
- Bishop, P. (2010). Multi-Site Case Study. In Mills A.J., Gabrielle D., and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. 2, 587-589. Los Angeles: SAGE References Publication.
- Bogdon, R. C. and Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods* (4th Ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Brown, J. W., Lewis, R. B., and Harclerode, F. F. (1973). *AV Instruction: Technology, Media, and Methods*. United States: McGraw-Hill, Inc.
- CareSearch. (2018). *Multi-site Research*. <https://www.caresearch.com.au/caresearch/tabid/2647/Default.aspx>. Accessed on 15 June 2021
- Chmilar, L. (2010). Multiple-case Designs. In Mills A. J., Gabrielle D. and Elden W. (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References Publication. 2.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (2nd Ed.). London: SAGE Publications Ltd.
- Denscombe, M. (2007). *The Good Research Guide for Small-Scale Social Research Projects*. New York: McGraw Hill Open University Press.
- Denscombe, M. (2010). *The Good Research Guide for Small-Scale Social Research Projects*. New York: McGraw Hill Open University Press.
- Esterberg, K. G. (2002). *Qualitative Methods in Social Research*. Boston: McGraw-Hill.
- Eteokleous, N. (2008). Evaluating Computer Technology Integration in a Centralized School System. *Journal of Computer and Education*. 51(2), 669-686.
- Flinders, D. J. (2009). Qualitative Research. In Provenzo E. F. Jr. (Ed.) (2009). *Encyclopedia of the Social Science and Cultural Foundations of Education*. 2: 629-633.
- Goodson, B., Caswell, L., Dynarski, M., Price, C., Litwok, D., Crowe, E., Meyer, R., and Rice, A. (2019). *Teacher Preparation Experiences and Early Teaching Effectiveness* (NCEE 2019-4007). Washington, DC: National Center for Education Evaluation and Regional Assistance, Institute of Education Sciences, U.S. Department of Education.
- Gursul, F. and Tozmaza, G. B. (2010). Which One Is Smarter. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 2(2010), 5731-5737.
- Ilomaki, L., Lakkala, M., and Lehtinen, E. (2004). A Case Study of ICT Adoption Within A Teacher Community At A Finnish Lower Secondary School. *Journal of Education, Communication & Information*. 4(1), 53-69.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia;
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2012). *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. http://emisportal.moe.gov.my/emis/emis2/emisportal2/doc/fckeditor/File/BukuPerangkaan10/BAB_2.pdf. (22 Mei 2012).
- Koc, M., and Bakir, N. (2010). A Needs Assessment Survey To Investigate Pre-Service Teachers' Knowledge, Experiences And Perceptions About Preparation To Using Educational Technologies, *The Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)*. 9(1), 13-22.
- Kumar, S. (2017) *Teaching Materials and Teaching Aids* - I. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/318215081_Teaching_materials_and_teaching_aids_-_1_teaching_material on June 19th 2021
- Lee, R. N. F., and Bathmaker, A. (2007). The Use of English Textbooks for Teaching English to 'Vocational' Students in Singapore Secondary Schools: A Survey of Teachers' Beliefs. *Journal of Language Teaching and Research*. 38(3), 350-374.
- Maimun Aqsha Lubis, Abdullah Awang Lampoh, Melor Md. Yunus, Shah Nazim Shahar, Noriah Mohd Ishak and Tajul Arifin Muhamad (2011). The Use of ICT In Teaching Islamic Subjects in Brunei Darussalam. *International Journal of Education and Information Technologies*. 5(1), 79-87.
- McConaughy, S. H. (2005). Interviewing. In Lee, S. W. (Ed.) (2005). *Encyclopedia of School Psychology*. London: SAGE Publications.
- Melor Md. Yunus, Hadi Salehi, and Dexter Sigan Anak John. (2013). Using Visual Aids as a Motivational Tool in Enhancing Students' Interest in Reading Literary Texts. *Proceedings of The 4th International Conference on Education and Educational Technologies (EET '13)*. 30 January - 1st February 2013. USA: Cambridge, MA. 114-117.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education: Revised and Expended from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Researching Practice: Examples for Discussion and Analysis*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Miller (2008). Teaching Strategies. In Salkind, N. J. (2008). *Encyclopedia of Educational Psychology*. University of Kansas: SAGE Publications, Inc.
- Mohamad Rofian, Awatif, Md Noor Hussin, Abdul Razif, Hairun Najuwah, Ku Fataniyah, dan Nor Syaidah. (2013). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Arab oleh Pensyarah Institusi Pengajaran Tinggi di Malaysia. *Prosiding International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013)*. 6-7 April 2013. EPF Institute, Kajang, Selangor: PIMM. 911-916.
- Mohd Izham Mohd Hamzah and Noraini Attan (2007). Tahap Kesedian Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 46(E, 2007), 45-60.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morgan, D. L., and Guevara, H. (2008). Interview Guide. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Mukalel, Joseph (1998). *Creative Approaches to Classroom Teaching*. New delhi: Discovery Publishing House.
- Nakata, Y. (2011). Teachers' Readiness for Promoting Learner Autonomy: A Study of Japanese EFL High School Teachers. *Journal of Teaching and Teacher Education*. 27(2011), 900-910.
- Pusat Kegiatan Guru Bandar Kota Tinggi (2014). *Senarai Tugas Guru Penyelaras Bestari*. <http://pkgbandar.kotatinggi.edu.my/phocadownload/ICT/separai%20tugas%20guru%20penyelaras%20bestari.pdf> (5 September 2014).
- Rajapaksha, P. L. N. R., and Chathurika, P. R. D., (2015) Problems Faced by Preschool Teachers When Using Teaching Aids in the Teaching Learning Process. *International Journal of Multidisciplinary Studies (IJMS)* 2(I), 2015
- Rifkind, D. S. (2011). *A Case Study Exploration of Secondary School Teachers' Technology Integration*. PhD Thesis. University of Phoenix;
- Rosnaini Mahmud and Mohd Arif Ismail (2010). Impact of Training and Experience in Using ICT On In-Service Teachers' Basic ICT Literacy. *Malaysian Journal of Educational Technology*. 10(2), 5-10.
- Sad, S. N. and Ozhan, U. (2012). Honeymoon With IWBs: A Qualitative Insight In Primary Students' Views On Instruction With Interactive Whiteboard. *Journal of Computers & Education*. 59(4), 1184-1191.
- Samantha, R. K. (1991). *Manual on Instructional Aids For Teaching Excellence*. New Delhi: K.M. Rai Mittal Publications.
- Schenkul, J. J. (2008). Methodology. In Given L. M. (Ed.) (2008). *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Los Angeles: SAGE Publication.
- Skorupski, W. P. (2005). Qualitative Research. In Lee S. W. (Ed.) (2005). *Encyclopedia of School Psychology*. London: SAGE Publications.
- Srinivasan, T. (Ed.) (2007). Data Processing. In Mohan S. and Elangovan R. *Research Methodology in Commerce*. New Delhi: Deep & Deep publications Pvt. Ltd.
- Tobin, R. (2010). Descriptive Case Study. In Mills, A. J., Gabrielle, D., and Elden, W., (Eds.) (2010). *Encyclopedia of Case Study Research*. Los Angeles: SAGE References.
- Veni Nella Syahputri, Zahratul Idami, Zaiyana Putri, Desy Kurniasy (2020). Whiteboards in Pedagogical Settings: Leave It or Use It? *Humanities & Social Sciences Reviews*. 8(3), 11-19.
- Wan Nor Hazlina Wan Jusoh and Kamaruzzaman Jusoff (2009). Using Multimedia in Teaching Islamic Studies. *Journal Media and Communication Studies*. 1(5), 086-094.

- Whetstone, L., and Carr-Chellman, A. A. (2001). Preparing Preservice Teachers to Use Technology: Survey Results. *TechTrends*. 45(4), 11-17.
- Woody, W.D., Daniel, D.B., and Baker, C.A. (2010). E-books or textbooks: Students Prefer Textbooks. *International Journal of Computers and Education* 55, 945-948.
- Yin, R. K. (2006). Case Study Methods. In Green J. L., Camilli G., Elmore P. B. (2006). *Handbook of Complementary Methods in Education Research*. Washington: American Educational Research Association.